



## UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

### PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2016/2017

NAMA KURSUS : PENGAJIAN ISLAM

KOD KURSUS : UWA 10102 / UWA 10602

KOD PROGRAM : BBA/ BBB/ BBC/ BBF/ BBG/ BDC/ BDD/  
BDM/ BEJ/ BEV/ BFF/ BIM/ BIP/ BIS/  
BIT/ BIW/ BNB/ BND/ BNE/ BNF/  
BNG/ BNH/ BNK/ BNL/ BNM/ BPA/  
BPB/ BPC/ BPD/ BPP/ BWA/ BWC/  
BWD/ BWQ/ BWW

TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2016 / JANUARI 2017

JANGKA MASA : 2 JAM

ARAHAN : A) JAWAB SEMUA SOALAN DALAM  
BORANG OMR YANG DISEDIAKAN.  
B) DILARANG MEMBAWA KERTAS  
SOALAN INI KELUAR DARI DEWAN  
PEPERIKSAAN.

**TERBUKA**

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNG DUA PULUH (20) MUKA SURAT

**S1** Apakah asal perkataan akhlak dalam bahasa Arab?

- A *Khulq*
- B *Khulf*
- C *Khauf*
- D *Kholaq*

**S2** Siapakah golongan yang diberi kemudahan (*rukhsah*) dalam ibadah?

- I Uzur
- II Sakit
- III Lupa
- IV Musafir

- A I, II dan III sahaja
- B I, III dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

**S3** Pilih perkara yang boleh merosakkan akidah.

- I Memohon perlindungan dengan makhluk
- II Percaya bahawa al-Quran adalah makhluk
- III Menyandarkan sifat Allah dengan sifat makhluk
- IV Percaya bahawa manusia hanya ditetapkan rezekinya sejak azali

- A I, II dan III sahaja
- B I, III dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

**S4** Apakah peranan solat terhadap individu Muslim?

- I Dapat melahirkan rasa takut kepada Allah
- II Dapat melahirkan individu yang berakhlik mulia
- III Dapat mewujudkan hubungan baik antara makhluk dan Penciptanya
- IV Dapat melahirkan rasa tunduk dan patuh terhadap semua perintah Allah S.W.T.

- A I, II dan III sahaja
- B I, III dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

**TERBUKA**

**S5** Apakah definisi akhlak menurut Ibnu Miskawaih?

- A Akhlak merupakan kehendak semulajadi manusia untuk melakukan perbuatan semasa hidup
- B Akhlak adalah perbuatan dan perilaku seseorang yang boleh diwarisi daripada keturunan yang baik
- C Akhlak dalam Islam adalah keadaan jiwa yang mendorong ke arah melahirkan perbuatan tanpa pemikiran dan penelitian
- D Akhlak merupakan suatu tabiat yang tertanam di dalam jiwa seseorang yang tidak memerlukan daya pemikiran di dalam melakukan sesuatu tindakan

**S6** Bagaimanakah transformasi ketaqwaan seseorang manusia dapat dicapai?

- A Melalui ibadah
- B Melalui akhlak
- C Melalui tauhid
- D Melalui syariah

**S7** Manakah antara tokoh berikut yang terkenal dalam bidang akhlak?

- I Al-Ghazali
  - II Ibnu Hazm
  - III Hashim Jubbai
  - IV Ibnu Miskawaih
- 
- A I dan II sahaja
  - B I dan III sahaja
  - C I dan IV sahaja
  - D II dan IV sahaja

**S8** Bagaimanakah kemanisan iman dapat dicapai?

- A Takutkan mati
- B Cintakan pangkat
- C Mentadabbur al-Quran
- D Berinteraksi dengan alam

**TERBUKA**

**S9** Apakah sifat al-Quran yang merujuk sebagai penerang kepada ajaran Islam?

- A *al-Nuur*
- B *al-Huda*
- C *al-Bayan*
- D *al-Mubiin*

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITATI  
WILAYAH  
PAHANG  
KAMPUS  
JALAN  
KELANTAN  
92000  
TAJUH  
PAHANG  
MASA  
BERAKHIR  
PADA  
12  
JUN  
2024

Soalan 10 hingga 12 adalah berdasarkan sumber rujukan Islam dalam **Jadual 1**.  
Pilih jawapan yang betul.

**Jadual 1**

A	'Uruf
B	Istihsan
C	Istishab
D	Sad al-Zaraie

- S10** Setiap pasangan Islam yang ingin berkahwin diwajibkan menjalani kursus pra perkahwinan dan pemeriksaan ujian HIV.
- S11** Semua makanan adalah halal sehingga terdapat dalil yang mengharamkannya.
- S12** Sebarang penyelidikan yang menjurus kepada aktiviti pengklonan manusia adalah diharamkan bagi memelihara keturunan.
- S13** Manakah pernyataan berikut merupakan pengertian Ijmak?
- A Kesepakatan para mujtahid untuk menentukan suatu hukum syarak di zaman Rasulullah S.A.W.
  - B Persetujuan sebahagian mujtahid untuk menentukan suatu hukum syarak selepas kewafatan Rasulullah S.A.W.
  - C Persetujuan para mujtahid untuk menentukan sesuatu hukum yang disepakati selepas kewafatan para sahabat Nabi Muhammad S.A.W.
  - D Kesepakatan dalam kalangan mujtahid selepas kewafatan Nabi Muhammad S.A.W. dalam menentukan sesuatu hukum syarak yang tidak terdapat dalam al-Quran dan al-Hadith
- S14** Manakah berikut adalah fungsi al-Hadith kepada al-Quran?
- I Penghurai kepada ayat-ayat al-Quran yang umum
  - II Penguat kepada sesuatu hukum yang terdapat dalam al-Quran
  - III Penerang kepada sesuatu hukum yang tidak dinyatakan dalam al-Quran
  - IV Pentafsir kepada sebab-sebab pemansuhan sesuatu ayat al-Quran yang akan dimansuhkan
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**TERBUKA**

Soalan 15 dan 16 adalah berdasarkan kepada kategori hadith di **Jadual 2**.  
Pilih jawapan yang betul.

**Jadual 2**

A	<i>Hadith Dhaif</i>
B	<i>Hadith Sahih</i>
C	<i>Hadith Maudu'</i>
D	<i>Hadith Mutawatir</i>

- S15** Hadith yang diriwayatkan oleh sejumlah perawi yang ramai dan berkualiti sehingga tidak mungkin akan melakukan kesalahan.
- S16** Hadith yang memiliki matan dan sanad yang sangat dipercayai dan berkualiti sehingga tidak mungkin akan diragui kesahihannya.
- S17** Apakah pengertian *ulum* dari sudut bahasa?
- A Berasal dari perkataan Arab yang bermaksud ilmu-ilmu  
 B Berasal dari perkataan Arab yang bermaksud ilmu agama  
 C Berasal dari perkataan Parsi yang bermaksud ilmu al-Quran  
 D Berasal dari perkataan Melayu yang bermaksud hukum-hakam
- S18** Apakah faktor yang menyebabkan lahirnya pengajian Ulum al-Quran dan Ulum al-Hadith?
- I Al-Quran telah dibukukan, maka lahir ilmu untuk mengkaji kandungan al-Quran  
 II Periwayat hadith telah bertebaran keluar dari Madinah, maka lahir ilmu untuk memelihara keaslian hadith Rasulullah S.A.W.  
 III Perkembangan Islam dalam kalangan manusia yang berbeza bangsa, bahasa dan budaya memerlukan ilmu untuk memudahkan mereka memahami al-Quran  
 IV Perbezaan pengalaman yang dialami oleh ulama terhadap permasalahan berkaitan pemahaman al-Quran dan hadith, melahirkan ilmu pengajian Ulum al-Quran dan al-Hadith
- A I, II dan III sahaja  
 B I, III dan IV sahaja  
 C II, III dan IV sahaja  
 D I, II, III dan IV


 TERBUKA

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI  
WILAYAH  
PENGETAHUAN  
BERBAGAI  
BUDAYA  
BERBAGAI  
AGAMA  
BERBAGAI  
RASMI  
BERBAGAI  
JENIS

**S19** Siapakah tokoh yang telah meletakkan titik dalam tulisan al-Quran?

- A Ibnu Abbas
- B Hasan al-Basri
- C Malik bin Anas
- D Abu Aswad al-Duwalî

**S20** Mengapa pengajian Ulum al-Quran tidak diperlukan pada zaman Rasulullah S.A.W.?

- A Pengajian Ulum al-Quran tidak relevan dengan bangsa Arab
- B Rasulullah S.A.W. sibuk menyebarkan agama Islam kepada masyarakat Arab
- C Para Sahabat R.A. mendapat bimbingan langsung daripada Rasulullah S.A.W. untuk memahami ayat-ayat al-Quran
- D Para Sahabat R.A. masih belum memiliki keupayaan untuk membina suatu ilmu yang berkaitan dengan ayat-ayat al-Quran

**S21** Apakah yang dimaksudkan dengan ilmu *rasm al-Quran (al-Uthmani)*?

- A Ilmu yang mentafsir maksud ayat al-Quran
- B Ilmu yang membincangkan sebab-sebab ayat al-Quran diturunkan
- C Ilmu yang membincangkan cara memelihara keaslian bahasa Arab
- D Ilmu yang menyelaraskan tulisan dan bacaan al-Quran secara sistematik

**S22** Apakah gelaran tertinggi bagi menggambarkan tahap penguasaan ulama di dalam ilmu al-Hadith?

- A *al-Rawî*
- B *al-Hafiz*
- C *al-Musnid*
- D *al-Muhaddith*

**S23** Siapakah tokoh ilmu hadith yang dikenali sebagai *mufassir* dan *muarrikh*?

- A Imam Muslim
- B Imam al-Nasa'i
- C Imam al-Bukhari
- D Imam Ibnu Majah

**TERBUKA**

**S24** Apakah yang dimaksudkan dengan ilmu *Gharib al-Hadith*?

- A Ilmu yang membicarakan tentang hadith-hadith yang kelihatan bercanggah
- B Ilmu yang membicarakan percanggahan hadith-hadith yang tidak mungkin disatukan
- C Ilmu yang menerangkan sebab-sebab yang tersembunyi dan rumit yang boleh mencacatkan kesahihan sesuatu hadith
- D Ilmu yang membincangkan hadith-hadith yang sukar difahami oleh orang ramai terutama setelah berlaku pencemaran dalam bahasa Arab

**S25** Berikut adalah pernyataan yang bukan merupakan faktor pemerintah menjadikan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai pegangan rasmi masyarakat Islam di negara ini?

- A Aliran yang berada di landasan yang benar seperti mana yang disampaikan oleh Rasulullah S.A.W. dan para Sahabat R.A.
- B Aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah pegangan ijmak ulama muslimin dan merupakan pegangan majoriti umat Islam
- C Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah mampu menjamin perpaduan, kesejahteraan dan keharmonian umat Islam yang berada di negara ini
- D Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah mampu menekankan aliran Syiah, Muktazilah dan Jabbariyah daripada berleluasa dalam kalangan umat Islam di Malaysia

**S26** Apakah takrifan al-Sunnah menurut ahli Usul al-Fiqh?

- A Jalan yang dilalui dan diikuti oleh Nabi S.A.W. dan para Sahabat R.A.
- B Sesuatu perkara yang diterima oleh Nabi S.A.W. yang tidak menunjukkan sebagai fardhu atau wajib
- C Perkara yang disandarkan kepada Nabi S.A.W. sama ada perkataan, perbuatan, taqrir, kelakuan dan pengajaran
- D Perkara yang dipindahkan dari Nabi S.A.W. sama ada percakapan, perbuatan dan taqrir yang bersangkutan dengan hukum

**S27** Siapakah tokoh yang mempelopori aliran akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah?

- A Abu Hasan al-Basri
- B Abu Hassan al-Asy'ari
- C Abu Mansur al-Syazili
- D Abu Hassan Ali An-Nadwi

**TERBUKA**

Soalan 28 hingga 31 adalah berdasarkan kaedah pentafsiran ayat-ayat al-Quran dalam **Jadual 3**.

Pilih jawapan yang betul.

**Jadual 3**

A	<i>Ta 'wil</i>
B	<i>Ta 'kid</i>
C	<i>Tasybih</i>
D	<i>Tafwidh</i>

- S28** Apakah kaedah yang digunakan oleh golongan khalaf dalam mentafsir dan memahami ayat-ayat *mutasyabihat*?
- S29** Apakah kaedah yang digunakan oleh golongan salaf dalam mentafsir dan memahami ayat-ayat *mutasyabihat*?
- S30** Apakah kaedah yang digunakan oleh golongan yang mentafsirkan ayat *mutasyabihat* dengan memberikan gambaran mengikut rasional fikiran dan batas logik akal manusia sahaja?
- S31** Apakah jenis kaedah yang mentafsirkan ayat al-Quran tidak secara literal, akan tetapi dengan melihat makna majaz di sebalik perkataan bahasa Arab?
- S32** Pilih jawapan yang menggambarkan tingkah-laku golongan yang mempunyai nilai terpuji akhlak Ahli Sunnah Wal Jamaah?
- A Menyertai demonstrasi dengan merosakkan fasiliti awam
  - B Menyertai misi jihad menetang keganasan bersama Daesh dan IS
  - C Mencintai Rasulullah S.A.W. dengan menyertai himpunan qasidah dan Majlis Cinta Rasul
  - D Melabel sebahagian kumpulan tertentu sehingga menyebabkan perpecahan dalam kalangan umat Islam



**TERBUKA**

Soalan 33 hingga 35 adalah berdasarkan bentuk aliran pemikiran dalam **Jadual 4**. Pilih jawapan yang betul.

**Jadual 4**

Faktor Pembentukan Aliran Pemikiran	Golongan
<b>W</b>	Khawarij
	Syiah
<b>X</b>	Muktazilah
	Qadariyah
Penyelewengan agama lain	<b>Y</b>
	<i>Mujassimah</i>
	<b>Z</b>

**S33** Apakah faktor **W**?

- A Pertelingkahan politik
- B Pertelingkahan akidah
- C Pertelingkahan pengikut
- D Pertelingkahan pemimpin

**S34** Siapakah golongan **Y**?

- A Jabaliyyah
- B Jabariyyah
- C Jubariyyah
- D Jubailiyyah

**S35** Siapakah golongan **Z**?

- A *Mashaqqah*
- B *Masywiyyah*
- C *Mushaffahah*
- D *Mushabbihah*

**TERBUKA**

**S36** Pilih faktor perkembangan ajaran sesat dalam masyarakat.

- I Kedudukan geografi
- II Sikap sambil lewa masyarakat
- III Menjauhi ajaran al-Quran dan al-Sunnah
- IV Berpegang teguh dengan adat dan kepercayaan

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C I, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

Soalan 37 hingga 40 adalah berdasarkan golongan aliran pemikiran dalam **Jadual 5**. Pilih jawapan yang betul.

**Jadual 5**

A	Khawarij
B	Qadariyah
C	Muktazilah
D	Mujassimah

- S37** Golongan manakah yang berpendapat orang yang melakukan dosa besar kafir dan kekal dalam neraka?
- S38** Golongan manakah yang mencampuradukkan akidah dengan falsafah Yunani dengan mendahulukan akal dari al-Quran dan al-Sunnah?
- S39** Siapakah golongan yang mengatakan bahawa segala perbuatan manusia adalah hasil dari kuasa dan kehendak manusia sendiri?
- S40** Siapakah golongan yang menetapkan Allah S.W.T. mempunyai jisim?
- S41** Apakah yang dimaksudkan dengan mazhab?
- A Sesuatu yang diperundangkan oleh Allah S.W.T. dalam urusan keagamaan  
B Pengikut seseorang, satu kumpulan atau satu-satu aliran pemikiran tertentu  
C Aliran pemikiran, pendapat atau fahaman dalam sesuatu bidang pengetahuan  
D Sekumpulan besar umat Islam yang bersepakat mentaati pemerintah yang adil
- S42** Manakah mazhab fiqh yang muktabar?
- A Syafie, Maliki, Hanafi dan Ismaili  
B Syafie, Zahiri, Maliki dan Hanbali  
C Syafie, Hanafi, Ja'fari dan Hanbali  
D Syafie, Hanafi, Maliki dan Hanbali
- S43** Mengapa mazhab Syafie dan Hanafi berbeza pendapat dalam menentukan hukum batal wuduk dengan sebab bersentuhan antara kulit lelaki dan perempuan yang halal nikah?
- A Perbezaan kepakaran bidang ilmu  
B Perbezaan pengalaman yang dilalui  
C Perbezaan fahaman dalam mentafsir hadith Rasulullah S.A.W.  
D Perbezaan pendapat dalam memahami dan mentafsirkan ayat al-Quran

**TERBUKA**

**S44** Bagaimakah Sahabat R.A. menyelesaikan masalah berkaitan dengan hukum fiqh yang tidak ada ketetapan hukum dalam al-Quran dan al-Hadith ketika mereka berjauhan dengan Rasulullah S.A.W.?

- A Berdiam diri sebagai jalan selamat dari kesilapan menetapkan hukum
- B Berijtihad menggunakan pemikiran sendiri dengan tidak melampaui batas
- C Menetapkan hukum berdasarkan syura yang dijalankan dalam kalangan umat Islam
- D Menangguh penetapan hukum sehingga mendapat pandangan dari Rasulullah S.A.W.

**S45** Apakah ilmu yang menganalisa dan merumus hukum-hukum yang dipetik daripada al-Quran dan al-Sunnah?

- A Ilmu Tafsir
- B Ilmu Hadith
- C Ilmu Usul Fiqh
- D Ilmu Usuluddin

**S46** Pilih permasalahan dalam ibadah solat di mana ulama mazhab muktabar berbeza pandangan.

- I Membaca doa qunut ketika solat Subuh
- II Mengangkat tangan semasa takbir *intiqalat* ketika solat
- III Wanita menjadi imam kepada makmum lelaki yang baligh dan mumayiz
- IV Lelaki dan wanita berada dalam satu saf yang sama ketika solat berjemaah

- A I dan II sahaja
- B I dan III sahaja
- C II dan III sahaja
- D III dan IV sahaja

**S47** Siapakah imam mazhab fiqh yang mengarang kitab *al-Muwatta*?

- A Malik bin Anas
- B Ahmad bin Hanbal
- C Nu'man bin Thabit
- D Muhammad bin Idris

**TERBUKA**

**S48** Siapakah golongan fuqaha' yang berpegang kuat kepada sunnah Nabi dan tidak menggunakan ijтиhad kecuali ketika sangat memerlukan?

- A Fuqaha' al-Ra'y
- B Fuqaha' al-Tafsir
- C Fuqaha' al-Hadith
- D Fuqaha' al-Ra'y dan al-Hadith

**S49** Pilih prinsip-prinsip muamalat Islam yang tepat.

- I Berteraskan persetujuan kedua-dua pihak
  - II Berteraskan keimanan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T
  - III Mengharuskan unsur riba dan gharar untuk meraih keuntungan
  - IV Mengagihkan pendapatan yang diperolehi kepada perkara-perkara kebajikan
- A I dan II sahaja
  - B I dan III sahaja
  - C II dan III sahaja
  - D II dan IV sahaja

**TERBUKA**

Soalan 50 hingga 53 adalah berdasarkan prinsip Muamalat Islam dalam **Jadual 6**. Pilih jawapan yang betul.

**Jadual 6**

A	<i>Al- Ijarah</i>
B	<i>Al-Wadiyah</i>
C	<i>Al- Takaful</i>
D	<i>Al-Sharikah</i>

**S50** Apakah perjanjian yang menggunakan kontrak Tabbaru' yang disertakan dengan pelaburan?

**S51** Encik Zainuddin telah mewakilkan kepada sahabatnya untuk menjaga semua harta yang dimilikinya sepanjang ketidaannya kerana bertugas keluar negara.

**S52** Puan Habibah membuat perjanjian dengan melantik Puan Fauziah untuk menjalankan jual beli mengikut upahan yang telah dipersetujui.

**S53** Puan Shafinaz dan Puan Sabrina telah bersetuju membuat akad perkongsian bersama bagi mengusahakan sebuah syarikat perniagaan makanan sejuk beku di mana keuntungan dan kerugian akan ditanggung secara bersama.

**S54** Apakah definisi al-Qard?

- A Pembelian sesuatu aset dari pemilik asal kepada pemilik lain dengan syarat pihak tersebut mestilah membayar aset atau modal tersebut dengan nilai mengikut harga pasaran
- B Perjanjian pelaburan sesuatu aset dari pemilik asal kepada pemilik lain dengan syarat pihak tersebut mestilah melaburkan aset atau modal tersebut dengan nilai mengikut harga pasaran
- C Pertukaran atau perpindahan hak milik sesuatu aset atau modal dari pemilik asal kepada pemilik lain dengan tidak memiliki syarat untuk memulangkan aset atau modal tersebut atau yang sama nilainya pada kemudian hari
- D Pertukaran atau perpindahan hak milik sesuatu aset atau modal dari pemilik asal kepada pemilik lain dengan syarat pihak tersebut mestilah memulangkan aset atau modal tersebut atau yang sama nilainya pada kemudian hari

**S55** Bagaimanakah kedudukan wang pencarum dalam prinsip Takaful?

- A Wang pencarum Takaful boleh dilaburkan dalam instrumen yang tidak selari dengan syari'ah
- B Wang pencarum Takaful dianggap sebagai wang syarikat malah ia diasingkan dan tidak dimiliki oleh pengendali
- C Wang pencarum Takaful tidak dianggap sebagai wang syarikat dan ianya diasingkan dan tidak dimiliki oleh pengendali
- D Keuntungan hasil pelaburan dari kumpulan wang pencarum Takaful akan dimiliki oleh syarikat kecuali nisbah yang disumbang dari wang syarikat sendiri

**S56** Manakah bidang yang melibatkan keperluan dan perhubungan sesama manusia dalam peraturan Muamalat Islam?

- A Ekonomi dan sosial
- B Ekonomi dan pentadbiran
- C Sosial dan pentadbiran korporat
- D Politik dan pengurusan kewangan

**TERBUKA**

**S57** Apakah perkataan yang sinonim dengan perkataan al-Jinayah?

- A *Al-Jarimah*
- B *Al-Fatanah*
- C *Al-Nadamah*
- D *Al-Khatimah*

**S58** Pilih Maqasid al-Syariah mengikut susunan keutamaan?

- A Dharuriyyat, hajiyat dan kulliyat
- B Dharuriyyat, hajiyat dan tafsiniyat
- C Dharuriyyat, tafsiniyat dan hajiyat
- D Dharuriyyat, tafsiniyat dan kulliyat

**S59** Apakah tujuan syarak yang ingin dicapai oleh perkara dharuriyyat dalam Islam?

- A Mewujudkan dan membina
- B Membina dan memperbaiki
- C Mewujudkan dan mengekalkan
- D Mengelakkan dan mengembangkan

**S60** Manakah berikut merupakan perkara yang termasuk dalam *Dharuriyyat al-Khamsah*?

- I Akal
- II Harta
- III Agama
- IV Pangkat

- A I, II dan III sahaja
- B I, III dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

**S61** Manakah berikut merupakan syarat-syarat dikenakan hukuman bagi penzina?

- I Baligh
- II Berakal
- III Sukarela
- IV Faham hukum

- A I, II dan III sahaja
- B I, III dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

**TERBUKA**

Soalan 62 hingga 64 adalah berdasarkan tujuan perkara dharuriyyat di **Jadual 7**.  
Pilih jawapan yang betul.

**Jadual 7**

Tujuan syarak	Mewujudkan	Mengekalkan
Memelihara agama	Melaksanakan rukun Islam	Disyariatkan Jihad
X	Melahirkan zuriat	Diharamkan berbunuhan
Y	Menuntut ilmu	Diharamkan minum arak
Z	Mencari rezeki	Diharamkan mencuri
Memelihara keturunan	Menggalakkan perkahwinan	Diharamkan berzina

**S62** Apakah perkara X?

- A Memelihara akal
- B Memelihara harta
- C Memelihara nyawa
- D Memelihara maruah

**S63** Apakah perkara Y?

- A Memelihara akal
- B Memelihara harta
- C Memelihara nyawa
- D Memelihara maruah

**S64** Apakah perkara Z?

- A Memelihara akal
- B Memelihara harta
- C Memelihara nyawa
- D Memelihara maruah

**S65** Bilakah sesuatu pekerjaan dikira sebagai ibadah?

- I Niat kerana Allah S.W.T.
- II Sentiasa ikhlas dalam melakukan pekerjaan
- III Tidak mencampur-adukkan dengan sesuatu yang haram
- IV Mematuhi peraturan dan kaedah yang ditetapkan syarak

- A I, II dan III sahaja
- B I, III dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITATI  
WILAYAH  
PERLISI  
Dewan Perbadanan Pendidikan Tinggi  
Universiti Wilayah Perlis

Soalan 66 adalah berdasarkan elemen-elemen dalam **Pernyataan 1** di bawah.  
Pilih jawapan yang betul.

**Pernyataan 1**

Berpegang kepada nilai bersih, cekap, amanah, jujur, benar, telus,  
bertanggung jawab dan adil

**S66** Apakah kategori etika yang merujuk kepada elemen-elemen yang dinyatakan di dalam **Pernyataan 1**?

- A Etika Individu
- B Etika Profesyen
- C Etika Organisasi
- D Etika Akauntabiliti

Soalan 67 adalah berdasarkan maksud hadith dalam **Pernyataan 2** di bawah.  
Pilih jawapan yang betul.

**Pernyataan 2**

*“Barangsiaapa bekerja untuk anak isterinya melalui jalan yang halal  
bagi mereka pahala seperti orang yang berjihad di jalan Allah ”*

(Riwayat Al-Bukhari)

**S67** Apakah pengajaran utama hadith dalam **Pernyataan 2**?

- A Kewajipan untuk berjihad
- B Berbuat baik kepada anak dan isteri
- C Keutamaan untuk mencari rezeki yang halal
- D Belajar dengan bersungguh-sungguh untuk mencari pahala

**TERBUKA**

Soalan 68 adalah berdasarkan maksud ayat al-Quran dalam **Pernyataan 3** di bawah.  
Pilih jawapan yang betul.

**Pernyataan 3**

*“Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan apa yang terdaya olehnya”*

(al-Baqarah: 286)

**S68** Apakah pengajaran yang dapat difahami dari maksud ayat al-Quran dalam **Pernyataan 3**?

- I Tugas yang diberikan oleh Allah S.W.T. kepada seseorang individu adalah berdasarkan kemampuan individu berkenaan
  - II Tidak ada sebab bagi seseorang individu untuk mengeluh dan mengatakan bahawa tugasnya terlalu berat dan sukar untuk dilaksanakan
  - III Seseorang pekerja itu boleh menyelesaikan segala tugas yang diberikan kepadanya melainkan diri sendiri tidak mahu menunaikan tanggungjawabnya
  - IV Sesungguhnya Allah S.W.T. itu bersifat dengan sifat yang Maha Adil lagi Maha Penyayang terhadap seluruh hambaNya dan tidak sama sekali menzalimi mereka
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

Soalan 69 adalah berdasarkan maksud hadith dalam **Pernyataan 4** di bawah.  
Pilih jawapan yang betul.

**Pernyataan 4**

*“Sesungguhnya Allah menyukai orang yang tidak menyusahkan pekerjaan dan yang jernih mukanya dalam menghadapi manusia”*

(Riwayat al-Baihaqi)

**S69** Apakah yang dianjurkan oleh hadith di dalam **Pernyataan 4** kepada para pekerja?

- I Berlaku adil terhadap sesama manusia
  - II Bersikap pilih kasih terhadap pekerja untuk memudahkan urusan
  - III Sentiasa berusaha untuk memudahkan urusan antara sesama manusia
  - IV Tenang, muka yang manis dan bersangka baik dalam menguruskan sesuatu masalah
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**TERBUKA**

**S70** Apakah kaedah yang dapat meningkatkan kecekapan seseorang pekerja dalam menjalankan tugas?

- A Integriti
- B Ketekunan
- C Akauntabiliti
- D Semangat gotong-royong

**S71** Mengapakah sesuatu pekerjaan itu memerlukan integriti yang tinggi?

- A Mendapat pelbagai keistimewaan daripada organisasi
- B Bagi memenuhi prinsip moral, etika dan undang-undang
- C Bagi memastikan memperolehi kepuasan kerja yang optimum
- D Jaminan untuk memperoleh keuntungan yang besar kepada organisasi

Soalan 72 adalah berdasarkan situasi dalam **Pernyataan 5** di bawah.

Pilih jawapan yang betul.

#### **Pernyataan 5**

Encik Solehin baru sahaja dinaikkan pangkat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di sebuah syarikat pembinaan yang terkemuka di ibu negara. Sebagai seorang individu yang komited dan bertanggungjawab, beliau berazam menjadikan syarikat tersebut sebagai salah sebuah syarikat gergasi dalam sektor pembinaan di peringkat antarabangsa. Untuk mencapai matlamat ini, beliau telah mengatur beberapa strategi. Antaranya menggalakkan perbincangan bersama pekerja-pekerja bawahannya di setiap peringkat, saling bertukar-tukar fikiran untuk mengkaji masalah yang ada dan juga masalah yang mungkin timbul. Beliau percaya bahawa perbincangan seperti ini akan meningkatkan rasa kekitaan dan tanggungjawab bersama terhadap syarikat.

**S72** Berdasarkan kepada situasi dalam **Pernyataan 5**, apakah istilah penggunaan yang paling sesuai diberikan kepada strategi yang diambil oleh Encik Solehin bagi merealisasikan matlamat terhadap syarikat?

- A Kecacatan Sifar (*Zero Defect*)
- B Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)
- C Kumpulan Kawalan Mutu (*Quality Control Circle*)
- D Pengurusan Kualiti Menyeluruh (*Total Quality Management*)

**TERBUKA**

BAKAT USA SEYU TS HALQAH NAFIRAH  
Benteng  
Malurukut, ne... manu... m...  
stap... n.../3 m...au... aut... a...v...n...u

**S73** Pilih rukun rujuk.

- I      Lafaz rujuk
  - II     Isteri yang dirujuk
  - III    Suami yang merujuk
  - IV    Persetujuan isteri yang diceraikan
- 
- A    I, II dan III sahaja
  - B    I, III dan IV sahaja
  - C    II, III dan IV sahaja
  - D    I, II, III dan IV

**S74** Saiful merupakan seorang kaki pukul ingin mengahwini teman wanitanya dengan niat untuk menyiksa bagi membalas dendam keluarga. Apakah hukum perkahwinan Saiful?

- A    Sunat
- B    Haram
- C    Harus
- D    Makruh

**S75** Pilih hikmah disyariatkan rujuk selepas perceraian.

- I      Memberi ketenangan jiwa
  - II     Peluang memperbaiki kesilapan
  - III    Menghindari anak-anak daripada hidup terbiar
  - IV    Memberi peluang untuk membina kembali rumah tangga
- 
- A    I, II dan III sahaja
  - B    I, III dan IV sahaja
  - C    II, III dan IV sahaja
  - D    I, II, III dan IV

**S76** Siapakah perempuan yang haram dikahwini sementara?

- A    Adik ipar
- B    Ibu mertua
- C    Adik susuan
- D    Kakak kandung

**TERBUKA**

**S77** Apakah hukum rujuk jika suami belum menyempurnakan giliran kepada isteri yang dicerai dengan talak raj'ie?

- A Sunat
- B Wajib
- C Haram
- D Makruh

**S78** Apakah hak yang gugur apabila berlaku perceraian ke atas isteri yang nusyuz?

- A Mutaah
- B Hadanah
- C Nafkah iddah
- D Harta sepencarian

**S79** Apakah pengertian fasakh?

- A Membatalkan perkahwinan melalui kuasa wali
- B Membatalkan perkahwinan melalui kuasa sivil
- C Membatalkan perkahwinan melalui kuasa bapa
- D Membatalkan perkahwinan melalui kuasa hakim

**S80** Pilih sebab-sebab yang mengharuskan isteri menuntut fasakh.

- I Suami gila
- II Suami ditahan dalam penjara
- III Suami berpenyakit berjangkit
- IV Suami keluar rumah tanpa pengetahuan

- A I, II dan III sahaja
- B I, III dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

**TERBUKA**

**-SOALAN TAMAT-**

Maafkan saya kerana tidak dapat menjawab  
soalan ini.  
Saya tidak tahu jawapan untuk soalan ini.  
Saya tidak tahu jawapan untuk soalan ini.  
Saya tidak tahu jawapan untuk soalan ini.